

Jawab semua soalan.

1. (a) Firman Allah SWT:

وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ وَتُدْلُوا بِهَا إِلَى الْحُكَّامِ لِتَأْكُلُوا فَرِيقًا مِّنْ أَمْوَالِ
الَّذِينَ بِالْإِثْمِ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿١٨٨﴾

(Surah al-Baqarah ayat: 188)

Ayat di atas menjelaskan larangan memberi dan menerima rasuah.

Berdasarkan ayat di atas,

- (i) Nyatakan **dua** contoh larangan mengambil harta orang lain secara haram selain rasuah. [2 markah]
- (ii) Terangkan **dua** pengajaran daripada ayat di atas. [4 markah]

KUALA TERENGGANU – Golongan belia diminta untuk memainkan peranan bagi memastikan gejala rasuah tidak terus berleluasa sehingga menjadi masalah besar.

Artikel Penuh: <https://www.sinarharian.com.my/article/140801/VIDEO/Kapsul-Rasuah-Busters/Orang-muda-kena-membudayakan-tolak-rasuah> © 2018 Hakcipta Terpelihara Kumpulan Karangraf

- (iii) Berdasarkan pernyataan di atas, kemukakan peranan anda dalam mengatasi masalah tersebut. [4 markah]
- (b) Nyatakan **hukum tajwid** dan **cara bacaan** bagi kalimah yang bergaris:

(i) وَلَا الضَّالِّينَ [2 markah]

(ii) وَلَمْ يُولَدِ [2 markah]

(c) Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا يَقُولُ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ: كُلُّكُمْ رَاعٍ وَكُلُّكُمْ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، الْإِمَامُ رَاعٍ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، وَالرَّجُلُ رَاعٍ فِي أَهْلِهِ وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، وَالْمَرْأَةُ رَاعِيَةٌ فِي بَيْتِ زَوْجِهَا وَمَسْئُولَةٌ عَنْ رَعِيَّتِهَا، وَالْحَادِمُ رَاعٍ فِي مَالِ سَيِّدِهِ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، - قَالَ: وَحَسِبْتُ أَنْ قَدْ قَالَ: وَالرَّجُلُ رَاعٍ فِي مَالِ أَبِيهِ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ - وَكُلُّكُمْ رَاعٍ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ.

(رواية البخاري)

Hadis di atas menjelaskan bahawa setiap individu mempunyai tanggungjawab masing-masing.

Berdasarkan hadis di atas,

(i) Nyatakan **dua** tanggungjawab anak terhadap kedua ibu bapa selepas kematian. [2 markah]



(ii) Situasi di atas masih berlaku dalam masyarakat hari ini. Bincangkan. [4 markah]

2. (a) Umat Islam hendaklah sentiasa mengukuhkan iman supaya terhindar daripada ajaran sesat.
- (i) Nyatakan maksud ajaran sesat. [2 *markah*]
 - (ii) Anda dikehendaki memilih satu aspek sahaja daripada aspek di bawah;
 - a. Akidah.
 - b. Ibadah.Jelaskan **dua** ciri kesesatan dari aspek tersebut. [4 *markah*]
 - (iii) Ramalkan kesan yang bakal menimpa masyarakat Islam yang memandang ringan terhadap penularan ajaran sesat. [4 *markah*]
- (b) Ahli Sunah Waljamaah berpegang kepada al-Quran, Sunah dan pendapat para sahabat.
- (i) Nyatakan **dua** nama lain bagi Ahli Sunah Waljamaah. [2 *markah*]
 - (ii) Jelaskan pandangan Ahli Sunah Waljamaah terhadap perkara berikut:
 - a. Kedudukan iman.
 - b. Pelaku dosa besar. [4 *markah*]
 - (iii) Jelaskan **dua** prinsip akidah Ahli Sunah Waljamaah. [4 *markah*]

3. (a) Ibadah korban dan akikah melambangkan tanda kesyukuran atas pemberian Allah SWT.
- (i) Nyatakan maksud akikah. [2 markah]
 - (ii) Jelaskan **dua** perkara sunat korban. [4 markah]
 - (iii) Bapa anda ingin memilih seekor lembu bertujuan untuk melaksanakan ibadah korban. Bagaimanakah anda dapat membantu beliau mengenalpasti pilihan yang terbaik agar ibadah tersebut diterima oleh Allah SWT. [4 markah]
- (b) Muamalat Islam adalah hukum syarak yang berkaitan dengan urusan kewangan.
- (i) Nyatakan hukum muamalat Islam. [1 markah]
 - (ii) Senaraikan **tiga** contoh akad dalam muamalat Islam. [3 markah]
 - (iii) Jelaskan unsur yang diharamkan dalam muamalat Islam. [2 markah]
- (c) Nusyuz boleh menyebabkan keruntuhan rumahtangga.
- (i) Apakah maksud nusyuz? [2 markah]
 - (ii) Jelaskan **dua** contoh perbuatan nusyuz. [2 markah]

4. (a) Kerajaan Umayyah telah memerintah dari tahun 41 Hijrah hingga 132 Hijrah.
- (i) Senaraikan **dua** orang khalifah yang terkenal pada zaman kerajaan Umayyah. [2 markah]
 - (ii) Jelaskan **dua** faktor kegemilangan kerajaan Umayyah dari aspek ketenteraan. [4 markah]
 - (iii) Terangkan **dua** iktibar daripada pemerintahan kerajaan Umayyah. [4 markah]
- (b) Hasan al-Banna merupakan tokoh Islam yang terkemuka.
- (i) Nyatakan riwayat hidup beliau. [2 markah]
 - (ii) Senaraikan **dua** hasil karya beliau. [2 markah]
 - (iii) Jelaskan ketinggian akhlak beliau yang boleh dicontohi oleh pelajar. [2 markah]
 - (iv) Terangkan **dua** iktibar daripada ketokohan beliau. [4 markah]

5. (a) Wasatiah menjamin kecemerlangan umat.

(i) Nyatakan maksud wasatiah. [2 markah]

(ii) Jelaskan **dua** ciri umat yang cemerlang. [4 markah]

(iii) Terangkan **dua** hikmah melaksanakan prinsip wasatiah dalam kehidupan. [4 markah]

(b) Alam sekitar ialah segala benda hidup dan bukan hidup yang terdapat di sekeliling manusia.

(i) Nyatakan **dua** adab menjaga alam sekitar. [2 markah]

(ii) Jelaskan **dua** kepentingan menjaga alam sekitar kepada kehidupan kita. [4 markah]



(iii) Berdasarkan gambar di atas, bagaimanakah cara yang boleh anda lakukan untuk menangani situasi tersebut. [4 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT